



PELAJAR ceria selepas tiga hari berkampung di Kem PLKN Lenggong, Perak sempena program Kem remaja sinergi baru-baru ini.

Pelajar tingkatan 4 dan lima sertai Kem Remaja Sinergi

SERAMAI 300 pelajar tingkatan empat dan lima sekolah dari seluruh negara menyertai Kem remaja sinergi (KRS) anjuran Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dengan kerjasama Neo Synergy Training Centre (NSTC) di Kampung Kilimu dekat Ranau, Sabah dan Kem PLKN Lenggong, Perak baru-baru ini.

Program yang memasuki tahun keenam penganjurannya tahun ini itu bertemakan 'Islamic Survival' berjalan serentak di Sabah dan Sarawak, selama tiga hari dua malam melibatkan pelajar dari sekolah berasrama penuh, maktab rendah sains mara, sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan.

Sekretariat KRS terdiri daripada sukarelawan terlatih YDKMM yang merupakan pelajar insti-

tusi pengajian tinggi awam dan swasta yang dipilih dari seluruh negara melibatkan 80 pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Kuala Lumpur (UKL).

KRS diketuai pelajar sarjana USM, Idris Hasyin dan pelajar tahun 4 sains makanan dan pemakanan UMS, Siti Khadijah Mat Tahir dengan tumpuan menyediakan platform kepada pelajar untuk berkenalan dan bertukar-tukar idea mengenai rancangan pelajar selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

'KRS tahun ini menampilkan kelainan berbanding tahun sebe-

lum ini dengan tema 'survival' yang menerapkan aspek-aspek islamik sepanjang kem yang menjadi teras utama penganjuran kem namun pada masa yang sama, pelajar didedahkan dengan aktiviti lasak dalam sesi Cabaran Hutannya dan juga Cabaran Air.

Selain itu, pelajar didedahkan pelbagai nasihat dan pengajaran yang berkaitan dengan cabaran remaja kini, terutamanya peranan yang perlu dimainkan bagi membangun jati diri yang kukuh dalam diri.

Salah satu slot menarik dan khas yang dibawakan untuk KRS tahun ini adalah slot 'Youth Motivator Training' yang bertujuan mendedahkan pelajar dengan skill dan kemahiran berkomunikasi sebagai persediaan mereka selepas tamat persekolahan nanti.